

COVID-19: Lapan kes positif baharu di Sarawak

AstroAwani

22 Mac 2020

Rudi Affendi Khalik,

KUCHING: Sarawak catat pertambahan lapan kes baharu positif COVID-19 menjadikan jumlah bilangan kes di negeri itu sebanyak 76 kes.

Tujuh kes terbaru dirawat di Hospital Umum Sarawak (HUS) dan satu kes lagi di Hospital Miri.

Selain itu, sebanyak 44 kes baharu pesakit dalam siasatan (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 795 kes.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dalam kenyataannya pada Ahad menjelaskan mana-mana hospital swasta yang mempunyai pesakit yang disahkan positif COVID-19 hendaklah menghantar pesakit itu di empat hospital khas yang telah disediakan seperti HUS, Hospital Sibul, Hospital Miri dan Hospital Bintulu.

Malah pusat saringan COVID-19 di HUS juga telah dipindahkan di Kompleks Belia dan Sukan di Jalan Badaruddin, Kuching.

Pusat baharu itu dibahagi kepada dua bahagian bagi menempatkan seseorang yang tidak mempunyai simptom tetapi kontak rapat.

Manakala bahagian kedua pula adalah untuk pesakit yang mempunyai kontak rapat dan ada gejala seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-lapan-kes-positif-baharu-di-sarawak-234776>